Institusi-Institusi Kewangan yang Lain

212-213 Syarikat Diskaun
213-214 Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen
214-216 Modal Usaha Niaga
216-217 Industri Amanah Saham

Institusi-Institusi Kewangan yang Lain

Syarikat Diskaun

Operasi syarikat diskaun terus mengembang pada tahun 2004 walaupun pada kadar yang lebih perlahan. Jumlah sumber syarikat diskaun meningkat sebanyak RM1.7 bilion atau 5.6% (RM2.8 bilion atau 10.3% pada tahun 2003). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan pertumbuhan jumlah deposit sebanyak 18.3% pada tahun tersebut. Deposit tetap mencatat peningkatan besar sebanyak RM3.9 bilion atau 23.4% (RM2.4 bilion atau 16.5% pada tahun 2003) dengan sejumlah besar daripada peningkatan tersebut disebabkan oleh kenaikan deposit untuk tempoh matang antara satu hingga sembilan bulan. Sementara itu, deposit panggilan meningkat pada kadar yang lebih sederhana iaitu sebanyak 15.2% pada tahun 2004 (34.2% pada tahun 2003). Dengan sumber dana yang besar daripada deposit, pergantungan pada pasaran wang antara bank sebagai sumber dana berkurang pada tahun tersebut. Ini dicerminkan oleh penurunan sebanyak RM2.9 bilion dalam peminjaman antara bank.

Terdapat perubahan yang ketara dalam kegunaan dana sepanjang tahun 2004. Pelaburan dalam sekuriti menurun sebanyak RM4.1 bilion disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam pegangan sekuriti hutang swasta dan sekuriti hutang Cagamas. Perubahan ini mencerminkan kecenderungan syarikat diskaun untuk membuat simpanan deposit jangka pendek dalam pasaran wang antara bank berikutan jangkaan kadar faedah yang lebih tinggi pada masa hadapan. Penurunan dalam pemegangan sekuriti hutang swasta (PDS) sebahagiannya juga timbul berikutan aktiviti pengambilan untung apabila trend kadar hasil menurun pada separuh tahun kedua. Oleh itu, simpanan deposit antara bank oleh syarikat diskaun mengembang lebih dua kali ganda untuk mencakupi 37.8% daripada jumlah aset syarikat diskaun yang disatukan (19.2% pada tahun 2003).

Sebagai sebahagian daripada langkah untuk menyediakan rangka kerja pengawalseliaan bagi institusi kewangan yang lebih komprehensif, dua keperluan berhemat utama telah dikenakan ke atas syarikat diskaun berlesen pada tahun 2004 bagi memelihara keteguhan kewangan mereka dalam suasana persaingan dalam sektor kewangan yang lebih sengit. Pertama, sejak bulan September 2004, syarikat diskaun perlu mengambil kira kedudukan risiko pasaran dalam pengiraan nisbah keperluan kecukupan modal dan mematuhi keperluan minimum nisbah modal berwajaran risiko (RWCR)

Jadual 8.1
Syarikat Diskaun: Sumber dan Kegunaan Dana

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2004
	2003	2004	
	RM juta		
Sumber:			
Dana modal yang diluluskan	84	238	2,611
Deposit	3,847	4,344	28,094
Pinjaman antara bank	-1,169	-2,944	615
Lain-lain	46	57	564
Jumlah	**2,807**	**1,695**	**31,885**
Kegunaan:			
Pelaburan dalam sekuriti:	9	-4,146	19,109
Sekuriti hutang kerajaan	-571	475	1,804
Sekuriti Kerajaan Malaysia	-262	572	1,407
Bon Khazanah	*123*	*-173*	*324*
Bil BNM	*16*	*-365*	*0*
Sekuriti hutang swasta	*2,397*	*-3,033*	*10,897*
Penerimaan jurubank	*-2,752*	*822*	*4,059*
Deposit instrumen boleh niaga	*752*	*-289*	*559*
Sekuriti hutang Cagamas	*610*	*-1,093*	*1,076*
Lain-lain[1]	*-567*	*-491*	*391*
Penyimpanan antara bank	1,921	6,230	12,039
Lain-lain	877	-389	738
	2002	**2003**	**2004**
Bilangan syarikat diskaun	7	7	7

[1] Termasuk bon Danaharta dan Danamodal.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

sebanyak 8% di bawah rangka kerja RWCR yang dipinda serta di bawah rangka kerja Kecukupan Modal Risiko Pasaran. Apabila berkuat kuasa sepenuhnya pada suku kedua 2005, rangka kerja RWCR yang dipinda akan menyelaraskan wajaran risiko rakan niaga di bawah rangka kerja RWCR syarikat diskaun yang sedia ada dengan rangka kerja RWCR institusi perbankan yang lain. Ini akan menghasilkan persaingan yang saksama dalam isu peruntukan modal di bawah rangka kerja RWCR. Kedua, berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2004, syarikat diskaun tertakluk pada Had Kredit Seseorang Pelanggan di bawah Seksyen 61 Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (BAFIA) dalam semua urusan pelaburan PDS. Ini akan memastikan syarikat diskaun tidak terlalu terdedah kepada seseorang pelanggan dalam pemegangan PDS.

Pada tahun ini, aktiviti berasaskan fi syarikat diskaun menjadi sederhana seiring dengan nilai terbitan PDS dalam pasaran modal yang lebih rendah. Syarikat diskaun mengatur, menjadi pengurus utama dan pengurus bersama terbitan sekuriti hutang swasta yang bernilai RM5.9 bilion (RM9.8 bilion pada tahun 2003). Sementara itu, jumlah yang ditanggung jamin oleh syarikat diskaun

adalah sebanyak RM1.4 bilion (RM2.6 bilion pada tahun 2003) bagi 42 terbitan PDS (31 terbitan pada tahun 2003).

Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen

Jumlah sumber kewangan kumpulan wang simpanan dan pencen yang dikaji selidik oleh Bank Negara Malaysia terus berkembang sebanyak 9.3% kepada RM291.3 bilion pada tahun 2004. Sebagai kumpulan wang terbesar, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mencakupi 82.5% daripada jumlah dana kumpulan wang simpanan dan pencen. Pada akhir tahun 2004, caruman terkumpul yang mencakupi 90.1% daripada jumlah sumber kewangan kumpulan wang simpanan dan pencen meningkat sebanyak 9.3% (2003: 9.2%). Pertumbuhan kukuh dalam caruman terkumpul disokong terutamanya oleh kenaikan ketara dalam dividen yang dikreditkan sebanyak 22.2% pada tahun 2004 (2003: 15.7%). Sementara itu, caruman baru bersih kepada kumpulan wang simpanan dan pencen terus meningkat, meskipun pada kadar yang lebih rendah sebanyak 3.2% (2003: 16.2%). Pertumbuhan yang lebih rendah ini disebabkan oleh pengeluaran yang lebih banyak pada tahun tersebut.

Caruman kasar kumpulan wang simpanan dan pencen yang dikaji selidik meningkat sebanyak 8.2% pada tahun 2004 (2003: 1%), sejajar dengan pertumbuhan bilangan pencarum. Pengeluaran meningkat sebanyak 13.1% pada tahun tersebut (2003: -10.5%), disebabkan sebahagian besar oleh pengeluaran daripada KWSP bagi tujuan pelaburan, yang meningkat sebanyak 47.9% (2003: 8.7%). Kenaikan ini selaras dengan jualan dana amanah saham yang lebih tinggi sepanjang tahun 2004. Pengeluaran bagi tujuan perumahan juga berkembang dengan pesat sebanyak 10.9% (2003: 2.1%), mencerminkan permintaan yang memberangsangkan terhadap harta kediaman. Sementara itu, pertumbuhan pengeluaran KWSP oleh pekerja berpencen, yang mencakupi bahagian terbesar (36.8%) dari jumlah pengeluaran kumpulan wang tersebut, merosot kepada 12.3% pada tahun 2004 (2003: 19.1%).

Pendapatan pelaburan yang lebih besar membolehkan kumpulan wang simpanan dan pencen untuk mengagihkan dividen yang lebih tinggi kepada pencarum. Pada tahun 2004, KWSP mengisytiharkan kadar dividen sebanyak 4.75% (2003: 4.5%), berikutan peningkatan pendapatan pelaburan kumpulan wang simpanan tersebut sebanyak 7.1% kepada RM11.8 bilion. Ini hasil daripada pulangan yang lebih tinggi daripada pelaburan dalam sekuriti hutang swasta dan daripada aktiviti pemberian pinjaman. Pendapatan daripada pelaburan ekuiti juga lebih tinggi disebabkan prestasi pasaran saham Malaysia yang lebih mantap. Secara keseluruhan,

Jadual 8.2
Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen: Penunjuk Terpilih

	2003	2004*a*
	RM juta	
Pada akhir tahun		
Bilangan pencarum ('000)	20,698	21,152
antaranya : KWSP	*10,490*	*10,706*
: PERKESO	*9,997*	*10,239*
Caruman terkumpul	240,334	262,584
Aset	266,538	291,331
antaranya: Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia	*91,596*	*100,317*
Sepanjang tahun		
Caruman baru bersih	12,014	12,400
Caruman kasar	*24,247*	*26,238*
Pengeluaran	*12,234*	*13,839*
Dividen yang dikreditkan	9,324	11,391
Pendapatan pelaburan	12,893	13,447

a Awalan

Sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Amanah Pencen, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Tabung Angkatan Tentera, Kumpulan Wang Simpanan Kakitangan Estet Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru dan tiga buah kumpulan wang simpanan dan pencen yang lain.

Graf 8.1
Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen: Komposisi Aset Utama



pelaburan dalam instrumen hutang dan ekuiti menyumbang sebanyak 52.2% daripada jumlah pendapatan pelaburan KWSP pada tahun 2004.

Dari segi komposisi aset kumpulan wang simpanan dan pencen, terdapat penurunan sedikit dalam pemegangan deposit dan instrumen pasaran wang, berikutan persekitaran kadar faedah yang rendah. Peruntukan lebih besar diberikan kepada pelaburan yang menawarkan pulangan yang lebih tinggi. Oleh itu, bahagian sekuriti hutang swasta dan pinjaman masing-masing meningkat kepada 13.6% dan 16.3%, manakala bahagian deposit dan instrumen pasaran wang merosot kepada 10.3% pada akhir tahun 2004.

Seperti yang diumumkan dalam Bajet 2005, KWSP telah mengambil langkah untuk memperuntukkan RM800 juta kepada pengurus dana luar. Sebanyak RM1.75 bilion lagi akan disalurkan setiap tahun kepada syarikat pengurusan dana tempatan selama tiga tahun yang berikutnya. Oleh sebab itu, dana yang disalurkan kepada pengurus dana tempatan akan meningkat kepada RM12 bilion. Inisiatif ini dijangka dapat mempertingkatkan pulangan pelaburan, serta menggalakkan pembangunan sekumpulan yang lebih besar ahli profesional dalam pengurusan pelaburan yang mahir, bagi mempertingkatkan persaingan dalam industri pengurusan dana Malaysia, seperti yang terkandung dalam Pelan Induk Pasaran Modal.

Modal Usaha Niaga

Pada tahun 2004, industri modal usaha niaga di Malaysia terus berkembang sebagai satu sumber pembiayaan baru bagi ekonomi. Industri tersebut terus mencatat pengembangan dari segi jumlah saiz dana, jumlah pelaburan daripada sumber dalam negeri dan luar negeri, bilangan syarikat pengurusan dana modal usaha niaga dan bilangan syarikat penerima modal usaha niaga pada tahun tersebut. Jumlah dana untuk pelaburan modal usaha niaga bertambah sebanyak 7% kepada RM2.3 bilion. Pelaburan daripada sumber dalam negeri mencatat peningkatan sebanyak 15.4% manakala pelaburan daripada sumber luar negeri mencatat pertumbuhan nyata sebanyak 55.4%. Pada akhir tahun 2004, bilangan syarikat penerima modal usaha niaga bertambah kepada 332 dengan pelaburan sebanyak RM1.1 bilion.

Jadual 8.3
Statistik Utama Industri Modal Usaha Niaga

	Pada akhir tahun 2003	Pada akhir tahun 2004
Dana modal usaha niaga (RM juta)	2,118.1	2,266.0
Jumlah pelaburan (RM juta)[1]	878.7	1,058.0
Sumber tempatan (RM juta)	769.0	887.0
Sumber asing (RM juta)	109.6	170.3
Bilangan syarikat/dana modal urus niaga	43[2]	38
Bilangan syarikat pengurus dana modal usaha niaga	31[2]	34
Bilangan syarikat penerima modal usaha niaga	298	332
	Sepanjang tahun 2003	**Sepanjang tahun 2004**
Jumlah pelaburan (RM juta)	227.2	289.3
Sumber tempatan (RM juta)	192.5	248.4
Sumber asing (RM juta)	34.8	40.9
Bilangan syarikat penerima modal usaha niaga	115	139

[1] Termasuk aktiviti peluputan
[2] Berdasarkan definisi Bank Negara Malaysia

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

Graf 8.2
Sumber Modal Usaha Niaga
(% bahagian, pada akhir tahun 2004)



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

Kerajaan terus memberi sokongan kepada pembangunan industri modal usaha niaga. Dalam Bajet tahun 2005, Kerajaan telah mengumumkan bahawa peserta modal usaha niaga asing kini dibenarkan memiliki 100% pemilikan ekuiti dalam syarikat modal usaha niaga dan syarikat pengurusan modal usaha niaga di Malaysia. Langkah ini antara lain dijangka dapat menggalakkan lebih banyak aliran masuk dana dan tenaga kerja mahir, serta menggalakkan pemindahan teknologi.

Cradle Investment Program (CIP) yang ditadbirkan dan diurus oleh Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP), terus menyediakan pembiayaan modal pra-benih dan sokongan keusahawanan kepada usahawan yang mempunyai komitmen untuk membangunkan dan mengkomersialkan idea mereka. Pada akhir bulan Februari 2005, geran berjumlah RM7 juta telah diserahkan kepada 141 penerima. Pelaburan CIP mengikut sektor kebanyakannya tertumpu pada perisian (26.95%), produk pengguna/perniagaan (12.77%) dan e-perkhidmatan (7.1%). Selain itu, CIP juga telah bekerjasama dengan beberapa badan penting Kerajaan untuk memajukan para usahawan dan inovator negara yang sedia ada. CIP kini mempunyai 16 "Rakan Komuniti", termasuk beberapa Kementerian dan agensi Kerajaan, serta organisasi sektor swasta. "Rakan Komuniti" ini dijangka dapat menyokong objektif CIP melalui inisiatif dan aktiviti secara usaha sama, seperti program pembangunan usahawan, perkongsian mentor dan pengkomersialan.

MAVCAP terus menawarkan pembiayaan kepada syarikat teknologi maklumat dan komunikasi tempatan yang berpotensi pertumbuhan tinggi sepanjang tahun 2004. Pada akhir bulan Februari 2005, MAVCAP telah melabur RM300 juta dan memupuk 60 buah syarikat.

Walaupun dana daripada sumber Kerajaan kekal tinggi, sumbangan dana untuk pelaburan modal usaha niaga daripada entiti-entiti sektor swasta dalam negeri mencatat peningkatan yang ketara sebanyak 35.1% pada tahun 2004. Dana daripada syarikat insurans juga bertambah dengan ketara kepada RM27 juta pada tahun 2004, daripada RM2.4 juta pada tahun 2003. Dana daripada sumber asing meningkat dengan kukuh kepada RM170.3 juta. Dana daripada sumber Kerajaan mencakupi bahagian yang lebih rendah sebanyak 42.5% pada tahun 2004 (54.2% pada tahun 2003).

Dari segi peringkat, kebanyakan daripada pelaburan modal usaha niaga sepanjang tahun ini tertumpu pada peringkat pengembangan/pertumbuhan, pengantaraan/mezanin/pra-IPO dan peringkat awal. Pelaburan ini merupakan 76.7% daripada keseluruhan pelaburan modal usaha niaga pada tahun 2004. Pelaburan di peringkat yang lebih berisiko, termasuk peringkat modal benih dan modal permulaan, merosot daripada 29.8% pada tahun 2003 kepada 12.3% pada tahun 2004. Pelaburan di peringkat lain juga merosot.

Dari segi pelaburan terkumpul mengikut peringkat, peringkat pengembangan/pertumbuhan, pengantaraan/mezanin/pra-IPO dan pembiayaan permulaan menerima pembiayaan modal usaha niaga yang terbesar sejak tahun 2002.

Dari segi pelaburan mengikut sektor, sektor teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), sains kehidupan dan perkilangan terus menerima pembiayaan terbanyak. Secara keseluruhan, jumlah pelaburan modal usaha niaga dalam tiga sektor ini mencakupi 77.3% daripada jumlah pelaburan yang dibuat pada tahun 2004. Dari segi saiz pendanaan terkumpul sehingga akhir tahun 2004, sektor yang menerima jumlah pelaburan modal usaha niaga terbesar ialah sektor ICT (42.2% daripada jumlah), sektor perkilangan (25.4%) dan sektor sains kehidupan (18.4%). Ketiga-tiga sektor ini mencakupi RM910.1 juta atau 86% daripada jumlah dana yang dilaburkan. Sepanjang tahun 2004, dana modal usaha niaga tempatan tertumpu pada sektor ICT (48.7%), pendidikan (13.8%), dan perkilangan (12.9%), manakala syarikat modal usaha niaga asing melabur terutamanya dalam sektor sains kehidupan (49.9%), ICT (39.8%) dan perkilangan (10.2%). Berbanding dengan tahun 2003, terdapat anjakan yang ketara dalam pemilihan sektor pelaburan, apabila kebanyakan pelaburan modal usaha niaga daripada sumber tempatan lebih tertumpu pada sektor ICT, iaitu anjakan

Jadual 8.4
Pelaburan mengikut Peringkat sepanjang tahun 2004

Bilangan Syarikat Penerima Pelaburan	139	
Peringkat Perniagaan	RM juta	% bahagian
Modal benih	16.1	5.6
Pembiayaan permulaan	19.3	6.7
Pembiayaan peringkat awal	48.9	16.9
Pembiayaan pengembangan, pertumbuhan	105.8	36.6
Pembiayaan penyambungan, mezanin, pra-IPO	67.2	23.2
Pembelian keluar pengurusan	19.2	6.6
Pembelian masuk pengurusan	...	...
Penuaian keluar (pembelian sekunder)	0.6	0.2
Jenis pelaburan yang lain	12.1	4.2
Jumlah	**289.4**	**100.0**

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

Graf 8.3
Pelaburan Terkumpul mengikut Peringkat (% bahagian)



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

Graf 8.4
Pelaburan pada tahun 2004
(% bahagian daripada jumlah)



Jumlah Pelaburan: RM289.4 juta
Bilangan Syarikat Penerima Modal Usaha Niaga: 139

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

Jadual 8.5
Pelaburan Terkumpul Modal Usaha Niaga mengikut Sektor

	Pada akhir tahun 2004	
	RM juta	% bahagian
Teknologi komunikasi dan maklumat	446.2	42.2
Perkilangan	269.2	25.4
Sains kehidupan	194.7	18.4
Pendidikan	38.4	3.6
Elektrik, jana kuasa, gas dan air	17.4	1.6
Perniagaan borong, runcit, restoran dan hotel	10.3	1.0
Perkhidmatan pembiayaan, insurans, hartanah dan perniagaan	6.8	0.6
Pembinaan	0.1	0.0
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	0.0	0.0
Lain-lain	74.9	7.1
Jumlah	**1,058.1**	**100.0**

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

tumpuan daripada sektor perkilangan sebelumnya, manakala syarikat modal usaha niaga asing beranjak daripada pelaburan dalam sektor ICT kepada sektor sains kehidupan.

Pembangunan pembiayaan modal usaha niaga akan terus digalakkan berdasarkan kepentingannya dalam memupuk sektor pertumbuhan baru serta memainkan peranan sebagai sumber pembiayaan alternatif kepada ekonomi secara keseluruhan. Usaha-usaha yang berterusan akan ditumpukan pada pembinaan kapasiti yang lebih besar dari segi peningkatan kemahiran dan akses kepada pembiayaan sektor swasta. Untuk mempercepat pembangunan industri modal usaha niaga, rangkaian *business angels* yang utuh, kepelbagaian sumber dana dan peningkatan bilangan pekerja mahir yang berpengetahuan tinggi, sedang dibangunkan. Kekangan dalam bekalan inovasi akan diberi perhatian dengan usaha memperbaiki aliran urus niaga melalui pembangunan jumlah bilangan syarikat penerima modal usaha niaga yang besar dan berpotensi untuk berkembang. Dalam usaha membantu menyemai budaya keusahawanan yang lebih baik, usaha-usaha sedang ditumpukan ke arah menyediakan persekitaran perniagaan dan pengawalseliaan yang diperlukan, memastikan akses kepada pembiayaan di peringkat permulaan inovasi dan mengkaji semula dasar-dasar sedia ada yang berkaitan dengan pengkomersialan idea.

Industri Amanah Saham

Industri amanah saham mengalami pertumbuhan yang menggalakkan pada tahun 2004, mencerminkan peningkatan dalam tahap penerimaan terhadap amanah saham sebagai satu instrumen pelaburan yang penting bagi masyarakat umum. Sepanjang tahun 2004, sejumlah 62 dana amanah saham baru telah dilancarkan (44 pada tahun 2003), menambahkan bilangan dana kepada 281 pada akhir 2004 (219 pada akhir 2003). Tahap jualan kasar yang kekal tinggi sepanjang tahun, menyebabkan jumlah jualan kasar bertambah sebanyak 33.4% (2003: 37.5%). Walaupun pembelian balik juga secara amnya adalah lebih tinggi berbanding dengan tahun-tahun yang lepas, industri amanah saham tetap mencatat tahap jualan bersih tahunan tertinggi sebanyak RM12.6 bilion (81.9% lebih banyak daripada tahun 2003).

Salah satu faktor penyumbang ke arah peningkatan permintaan ialah wujudnya lebih banyak pilihan dana amanah saham, yang dapat memenuhi keperluan risiko

Graf 8.5
Industri Amanah Saham - Nilai Aset Bersih, Unit dalam Edaran dan Bilangan Dana



Graf 8.6
Industri Amanah Saham - Jualan Kasar, Pembelian dan Jualan Bersih



Graf 8.7
Industri Amanah Saham Islam - Nilai Aset Bersih, Unit dalam Edaran dan Bilangan Dana



dan pulangan terpelbagai bagi pelabur yang berlainan. Dana-dana yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) pada tahun 2004 merangkumi dana daripada jenis ekuiti am dan bon, sehingga dana yang banyak membuat pelaburan dalam sekuriti/instrumen yang lebih berisiko. Seterusnya, terdapat juga dana yang direka khas untuk pelabur institusi, yang memerlukan jumlah pelaburan permulaan minimum yang lebih banyak. Dana amanah saham baru lain yang diperkenalkan termasuk dana-dana yang dibezakan mengikut strategi pelaburan, peruntukan aset, tahap risiko dan dasar pengagihan.

Industri amanah saham Islam terus meningkat pada kadar yang pesat, mencerminkan permintaan pelabur yang lebih tinggi terhadap produk kewangan Islam. Pada tahun 2004, sejumlah 15 dana Islam baru dilancarkan (14 pada tahun 2003), menjadikan jumlah bilangan dana Islam kepada 65. Nilai aset bersih dana Islam, yang meningkat sebanyak 42.3% pada tahun 2004, merangkumi 7.7% jumlah nilai aset bersih industri amanah saham pada akhir tahun 2004 (6.8% pada akhir 2003).

Dana pelaburan harta tanah (REIT) (dahulu dikenali sebagai dana amanah harta), ditubuhkan dan dilancarkan buat kali pertama di Malaysia pada tahun 1988. Dengan menyedari potensi REIT sebagai instrumen pelaburan alternatif untuk memudahkan perancangan kewangan oleh pelabur Malaysia, serta potensi REIT untuk meningkatkan mudah tunai dalam pasaran harta tanah tempatan, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mendorong perkembangan REIT pada tahun 2004. Langkah-langkah tersebut termasuk peruntukan cukai yang memuaskan seperti yang diumumkan dalam Bajet 2005, serta pengenalan Garis Panduan mengenai Dana Pelaburan Harta Tanah oleh pihak SC untuk menarik minat peserta baru serta meningkatkan kesedaran peserta industri tempatan dan pemaju/pemilik harta tanah tentang manfaat penubuhan REIT.

Potensi industri amanah saham di Malaysia untuk terus berkembang masih besar, meskipun industri ini telah mencatat pertumbuhan yang kukuh sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Tahap penembusan, yang diukur oleh nisbah nilai aset bersih industri amanah saham kepada modal pasaran ekuiti, masih rendah di Malaysia berbanding dengan negara-negara yang mempunyai sistem kewangan yang lebih matang seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom. Kesedaran dan pengetahuan pengguna yang lebih baik tentang perancangan kewangan dan produk kewangan yang sedia ada adalah mustahak untuk membolehkan perkembangan yang lebih pesat dalam industri amanah saham. Bagi mencapai matlamat ini, pihak berkuasa dengan kerjasama peserta dan pertubuhan industri, telah melaksanakan program pendidikan secara berterusan seperti seminar, bengkel kerja dan jerayawara mengenai perancangan kewangan, khususnya tentang pelaburan dalam amanah saham.

Di samping itu, usaha untuk memperluas lagi saluran agihan, seperti pengenalan Garis Panduan untuk Urus Niaga Dalam Talian dan Aktiviti Dalam Talian Berkaitan dengan Amanah Saham bagi membolehkan penggunaan internet dan media elektronik yang lain untuk mempromosikan, mengagih dan membekalkan maklumat kepada pelabur, juga akan membantu mendorong perkembangan industri amanah saham di Malaysia.